



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI
PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN LESEN JENIS B DI BAWAH AKTA RACUN 1952

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7841 3200
Laman sesawang: <https://pharmacy.moh.gov.my/ms>

6 Februari 2026

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1	Pengenalan	3
2	Objektif	3
3	Skop	3
4	Undang-undang yang dikuatkuasakan	4
5	Terminologi	4
6	Glosari	5
7	Permohonan Lesen Jenis B	5
8	Perkara-Perkara Yang Perlu Dipatuhi oleh Pemohon Lesen Jenis B	10
9	Tempoh Sah Lesen Jenis B	17
10	Permohonan Pembatalan Lesen Jenis B	18
11	Penutup	19
12	Rujukan	19
13	Lampiran	20

1.0 PENGENALAN

- 1.0 Lesen Jenis B dikeluarkan kepada **individu yang berkeelayakan** (*fit and proper*) atau kepada pegawai yang bertanggungjawab di dalam sesebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 untuk mengimport, menyimpan dan menjual secara borong racun (bukan racun kumpulan A) di bawah Jadual Pertama Akta Racun 1952 sebagaimana yang ditetapkan di dalam lesen.
- 1.1 Panduan ini adalah sebagai rujukan kepada pemohon berkenaan keperluan dan perkara-perkara yang perlu dipatuhi apabila memohon lesen Jenis B.
- 1.2 Keperluan dan perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah berdasarkan kepada undang-undang dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa.

2.0 OBJEKTIF

Objektif panduan ini dikeluarkan adalah:

- 1.0 Memberi informasi kepada sesiapa yang ingin memohon lesen Jenis B di bawah Akta Racun 1952.
- 2.0 Membantu pemohon memahami keperluan permohonan dan seterusnya dapat menyediakan dokumen yang lengkap bagi tujuan permohonan lesen Jenis B.

3.0 SKOP

Panduan ini terpakai untuk permohonan lesen Jenis B di bawah Akta Racun 1952. Terdapat beberapa maklumat yang dinyatakan dalam panduan ini adalah secara am, justeru itu untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci pemohon boleh merujuk kepada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) Negeri berkaitan atau Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

1. Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya

5.0 TERMINOLOGI

TERMINOLOGI	DEFINISI
Lesen Jenis B	Lesen di bawah Seksyen 26(2)(b), Akta Racun 1952.
Pegawai Pelesenan	Individu yang dilantik menjadi Pegawai Pelesenan di bawah Seksyen 26, Akta Racun 1952 oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
Prekursor	Bahan-bahan kimia yang tersenarai dalam Jadual I dan Jadual II, “United Nations Convention against Illicit Traffic in Narcotics Drugs and Psychotropic Substances 1988”
Permit Kerja	Permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang membenarkan warganegara asing bekerja dengan organisasi di Malaysia dan warganegara dari Semenanjung yang berkerja di Sabah dan Sarawak
Pegawai Penguat kuasa Dadah	Ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pegawai Pelesenan di bawah subseksyen 31(1) Akta Racun 1952


6.0 GLOSARI

GLOSARI	KETERANGAN
BKP	Bahagian Kawalan Penyakit
BPF	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
CPF	Cawangan Penguatkuasaan Farmasi
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
TPKN(F)	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

7.0 PERMOHONAN LESEN JENIS B

7.1 CARA PERMOHONAN LESEN JENIS B

7.1.1 Permohonan baharu/pembaharuan/pindaan bagi lesen Jenis B dibuat secara **dalam talian** dengan mengakses sistem “**My.Pharma-C 2.0**” melalui laman sesawang Program Perkhidmatan Farmasi <https://pharmacy.moh.gov.my/ms> dan klik pautan “**My.Pharma-C 2.0**” seperti di bawah :



7.1.2 Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dimuat naik ke dalam sistem semasa membuat permohonan.

7.1.3 Pemohon boleh merujuk manual pengguna di portal sistem My.Pharma-C 2.0 untuk mengetahui cara penggunaan sistem dengan lebih terperinci.

7.2 FI PERMOHONAN LESEN JENIS B

7.2.1 Bayaran fi bagi permohonan lesen Jenis B adalah sebanyak RM300.00 bagi setiap permohonan yang dihantar (baharu/pembaharuan/pindaan).

7.2.2 Bayaran fi hendaklah dibuat melalui perbankan internet yang dibuat secara terus melalui sistem My.Pharma-C 2.0.

7.2.3 Pembayaran secara manual seperti wang pos, bank draf, *money order* atau cek **tidak akan diterima**.

7.2.4 Semua permohonan yang berstatus “Tidak Lengkap” yang telah dikembalikan kepada pemohon melalui sistem dan **tiada maklum balas**

diterima daripada pemohon melebihi tempoh 60 hari akan ditolak. Bayaran fi bagi permohonan yang telah ditolak tidak akan dikembalikan.

- 7.2.5 Permohonan yang telah ditolak perlu membuat permohonan semula dengan bayaran fi yang baru dan perlu memastikan permohonan adalah lengkap serta penambahbaikan telah dilaksanakan.

7.3 PEMERIKSAAN PREMIS

- 7.3.1 Semua permohonan yang melibatkan premis baharu, akan diperiksa terlebih dahulu.
- 7.3.2 Pemeriksaan akan dilakukan oleh Pegawai Penguat kuasa Dadah di CPF negeri di mana lesen dimohon setelah permohonan yang lengkap diterima.
- 7.3.3 Permohonan akan diproses ke peringkat selanjutnya jika laporan pemeriksaan premis adalah memuaskan (Bagi permohonan yang berkaitan).

7.4 PENGELUARAN LESEN


- 7.4.1 Semua **permohonan yang lengkap (termasuk laporan pemeriksaan memuaskan)** akan diproses dan dinilai dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
- 7.4.2 Pemohon akan dimaklumkan mengenai status keputusan permohonan lesen secara e-mel dari sistem My.Pharma-C 2.0 atau pemohon boleh menyemak sendiri status kelulusan dengan log masuk ke dalam akaun sistem My.Pharma-C 2.0.
- 7.4.3 Sekiranya pemohon tidak dapat hadir sendiri untuk mengambil lesen yang telah siap, pengambilan oleh wakil adalah dibenarkan dengan mengemukakan surat kebenaran yang ditandatangani oleh penama dalam lesen tersebut.
- 7.4.4 Kegagalan untuk mengemukakan surat kebenaran akan menyebabkan lesen tidak akan diserahkan.

7.5 PERMOHONAN PINDAAN

- 7.5.1 Semua pemegang lesen boleh membuat permohonan pindaan lesen melalui sistem My.Pharma-C 2.0.
- 7.5.2 Permohonan pindaan yang dibenarkan hanyalah terhadap kepada pindaan seperti berikut sahaja :

Bil	Butiran Pindaan/Syarat Lesen	Terma & Syarat	Fi
a)	Pindaan Nama Syarikat/Perniagaan	(Tanpa nombor perubahan pendaftaran SSM)	Ada
b)	Pindaan Nama Papan Tanda Premis		Ada
c)	Pindaan Stor Racun Tambahan	Di negeri yang sama	Ada
d)	Pindaan Senarai Racun Lesen Jenis B		Ada

7.6 CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN JENIS B



8.0 PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPATUHI

8.1 KEPERLUAN AM

- 8.1.1 Memastikan permohonan dan dokumen sokongan **lengkap**. **Permohonan yang lengkap sahaja akan diterima** dan diproses.
- 8.1.2 Membuat bayaran fi permohonan lesen Jenis B mengikut prosedur dan amaun yang ditetapkan. **Fi tidak akan dikembalikan selepas pembayaran dibuat.**
- 8.1.3 **Memastikan premis telah mematuhi semua keperluan yang ditetapkan dan sedia bagi tujuan pemeriksaan,**
- 8.1.4 Semua dokumen sokongan perlu dimuat naik ke dalam sistem My.Pharma-C 2.0 semasa membuat permohonan secara dalam talian.

8.2 PEMOHON

- 8.2.1 Pemohon mesti warganegara Malaysia/pemastautin tetap di Malaysia.
- 8.2.2 Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh setiap pemohon ialah:
 - a) Salinan Kad Pengenalan (MyKad).
 - b) Gambar muka yang jelas dan terkini bersaiz passport. (Dikemaskini setiap 5 tahun atau bila perlu).
 - c) Surat pelantikan jawatan dari majikan atau maklumat pemilikan perniagaan daripada SSM jika pemohon adalah pemilik perniagaan.
 - d) Permit Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (jika berkaitan).
 - e) Pengesahan pembatalan lesen Jenis B dari Pegawai Pelesenan/ Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) [TPKN(F)] negeri lain (jika berkaitan).
 - f) Pemohon perlu menduduki temuduga berkaitan pengendalian racun di bawah Akta Racun 1952.

8.2.3 Pemohon juga perlu mematuhi perkara berikut:

- a) Memiliki kelayakan minima Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kefahaman dalam mengendalikan racun.
- b) Bagi pemohon yang akan berurusan dengan bahan kimia Prekursor/*Arsenic/Cyanides*, kelayakan minima adalah Diploma dalam Bidang Sains (berkaitan kimia/biologi/fizik).

8.2.4 **Pemohon baharu** yang tidak pernah mempunyai lesen Jenis B wajib melalui temuduga dan markah lulus temuduga ialah **50% dan ke atas**. Soalan temuduga merangkumi aspek berkaitan penyimpanan, penjualan, pelabelan dan perekodan racun menurut Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturan Racun 1952.

8.2.5 Pemohon tidak memegang lesen di bawah Akta Racun 1952 di premis yang lain.

8.3 SYARIKAT/PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

8.3.1 Bagi kategori **syarikat**, hendaklah berdaftar dengan SSM dengan mengemukakan dokumen berikut:

a) Syarikat yang didaftarkan **sebelum 1 Januari 2017:**

- i. Sijil Penubuhan Syarikat [Borang 9, Seksyen 16(4), Akta Syarikat 1965] (***pemohon baru***)
- ii. 'Return Giving Particulars Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars' [Borang 49, Seksyen 141(6), Akta Syarikat 1965] (***pemohon baru***)
- iii. 'Return of Allotment of Shares' [Borang 24, Seksyen 54(1), Akta Syarikat 1965]

b) Syarikat yang didaftarkan **mulai 1 Januari 2017:**

- i. 'Application of Registration' [Seksyen 14, Akta Syarikat 2016]
- ii. Sijil Penubuhan Syarikat [Seksyen 17, Akta Syarikat 2016]
- iii. "Notification of Change in the Register of Directors, Managers and

Secretaries” [Seksyen 58, Akta Syarikat 2016]

- 8.3.2 Bagi kategori **Perkongsian Liabiliti Terhad**, hendaklah berdaftar dengan SSM dengan mengemukakan dokumen Perakuan Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad.
- 8.3.3 Lesen daripada pihak PBT yang menyatakan jenis perniagaan yang relevan. Contoh: Menjual bahan kimia secara borong.

8.4 PERNIAGAAN

- 8.4.1 Bagi kategori **perniagaan**, hendaklah berdaftar dengan SSM dengan mengemukakan dokumen Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D Kaedah 13), Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang mengandungi;
 - a) Maklumat perniagaan
 - b) Jenis perniagaan
 - c) Maklumat cawangan
 - d) Maklumat pemilik.
- 8.4.2 Bagi perniagaan yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak, dokumen pendaftaran perniagaan daripada Pihak Berkuasa yang berkaitan.
- 8.4.3 Lesen daripada pihak PBT yang menyatakan jenis perniagaan yang relevan. Contoh: Menjual bahan kimia secara borong.

8.5 PREMIS PERNIAGAAN DAN STOR UNTUK MENYIMPAN RACUN

- 8.5.1 Premis dan stor (jika berkaitan) mestilah dalam keadaan **sudah sedia untuk diperiksa** semasa permohonan dihantar ke dalam sistem My.Pharma-C 2.0.
- 8.5.2 Premis merupakan bangunan perniagaan bersifat kekal yang terletak dalam kawasan komersial/industri dan mempunyai geran tanah/ perjanjian sewa yang masih sah/dokumen lain yang berkaitan.
- 8.5.3 Premis mesti mempunyai lesen PBT (Contoh: Dewan Bandaraya/ Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran) yang menyatakan jenis perniagaan yang relevan. (Contoh: Menjual bahan kimia). Premis yang terletak di

luar kawasan pihak PBT perlu sertakan surat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab mengawal aktiviti premis tersebut (contoh: kelulusan daripada Malaysia Palm Oil Board (MPOB) bagi aktiviti kilang kelapa sawit).

- 8.5.4 Menyediakan stor penyimpanan mengikut keperluan di bawah Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya serta keperluan perundangan lain yang berkaitan dengan penstoran racun.
- 8.5.5 Ruang stor mesti diasingkan secara fizikal dengan akses berasingan jika berkongsi stor dengan syarikat lain dan memaparkan nama syarikat dengan jelas untuk tujuan pengenalan stor tersebut.
- 8.5.6 Stor bahan kimia mestilah terletak di kawasan yang sesuai dan mendapat kelulusan pihak Bomba jika terletak di tempat yang berisiko.
- 8.5.7 Stor yang disewa perlu mengemukakan dokumen perjanjian sewaan.
- 8.5.8 Pemohon dibenarkan memohon stor tambahan yang berasingan (Tertakluk kepada terma dan syarat).
- 8.5.9 Stor tambahan yang berasingan mestilah berada dalam negeri yang sama dengan negeri di mana lesen Jenis B dikeluarkan.
- 8.5.10 Stor tambahan yang berasingan mesti mempunyai lesen daripada PBT (Contoh: Dewan Bandaraya/Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran) yang menyatakan jenis perniagaan yang relevan. (Contoh: menyimpan bahan kimia). Stor yang terletak di luar kawasan pihak PBT perlu sertakan surat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab mengawal aktiviti premis tersebut (contoh: kelulusan daripada Malaysia Palm Oil Board (MPOB) bagi aktiviti kilang kelapa sawit).
- 8.5.11 Sekiranya premis beroperasi sebagai pejabat urusan sahaja/menjalankan aktiviti borong tanpa stor, sila kemukakan surat lantikan rasmi sebagai pengedar **dan/atau** surat penjelasan atau salinan perjanjian/kontrak yang menjelaskan tanggungjawab ke atas perkara berikut:
 - i. Simpanan dan pembekalan stok adalah dari pihak pembekal terus kepada pelanggan, dan

ii. Tidak akan menyimpan apa-apa stok racun di premis.

8.5.12 Senarai gambar premis yang perlu dikemukakan oleh pemohon ialah seperti berikut:

i. Gambar hadapan premis

Contoh:



ii. Gambar keseluruhan dalam premis

Contoh



iii. Gambar stor racun (jika ada)

Contoh 1:



Contoh 2



8.6 SENARAI RACUN

- 8.6.1 Senarai racun yang boleh dimohon adalah seperti di Lampiran B1 : Butiran Racun - Untuk Kegunaan Industri atau Lampiran B2 : Butiran Racun - Untuk Makanan Ternakan.
- 8.6.2 Bagi racun yang tidak tersenarai dalam Lampiran B1 yang diperlukan untuk kegunaan dalam industri, pemohon boleh mengemukakan surat permohonan racun khas berserta justifikasi permohonan kepada Pengarah BPF, KKM dan menyertakan dokumen sokongan seperti MSDS/SDS, nombor CAS dan cara penggunaan racun tersebut dalam industri berkaitan untuk menyokong permohonan tersebut. Permohonan boleh dikemukakan melalui e-mel (pelesenanbpf@moh.gov.my).
- 8.6.3 Bagi permohonan lesen Jenis B untuk pengimportan racun nikotin oleh syarikat pengilang produk merokok untuk tujuan pengilangan produk merokok yang telah berdaftar di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam [Akta 852] sahaja, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan racun khas terlebih dahulu seperti para 8.6.2 dengan dokumen sokongan tambahan yang perlu dikemukakan seperti para 8.7.2.
- 8.6.4 Pemohon tidak boleh memohon racun untuk kegunaan industri bersama racun dalam makanan ternakan dalam satu permohonan lesen yang sama. Jika ada keperluan, pihak syarikat perlu melantik individu yang lain untuk membuat permohonan lesen dengan kategori racun yang berbeza.
- 8.6.5 Jika tiada sebarang transaksi racun selama 3 tahun berturut-turut, racun tersebut akan digugurkan daripada senarai racun yang dilesenkan kecuali dengan penjelasan yang munasabah.

8.7 DOKUMEN SOKONGAN LAIN YANG DIPERLUKAN

- 8.7.1 Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat atau Sijil Pendaftaran Penjual (yang mana berkaitan) bagi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 yang masih sah jika melibatkan makanan haiwan yang dikawal di bawah Akta

Racun 1952 (jika berkaitan).

8.7.2 Bagi permohonan lesen Jenis B oleh syarikat pengilang produk merokok yang telah berdaftar di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam [Akta 852], dokumen sokongan tambahan yang diperlukan adalah seperti di bawah:

- a) Surat kelulusan pendaftaran/pemakluman pendaftaran dan surat kelulusan harga jualan runcit bagi produk merokok daripada BKP KKM.
- b) Lesen Perniagaan daripada PBT untuk aktiviti pengilangan produk merokok.
- c) Lesen pengilang daripada MIDA atau surat pengesahan untuk pengecualian daripada Lesen Pengilang daripada MIDA.
- d) Lesen Eksais di bawah Akta Eksais 1976 daripada JKDM.

9.0 TEMPOH SAH LESEN JENIS B

Tempoh sah lesen Jenis B adalah selama 12 bulan mengikut tahun kalendar iaitu akan berakhir 31 Disember dalam tahun semasa. Permohonan pembaharuan perlu dibuat dalam bulan Oktober setiap tahun atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh CPF negeri/BPF, KKM.

10.0 PERMOHONAN PEMBATALAN LESEN JENIS B

Pemegang lesen Jenis B boleh memohon untuk membatalkan lesen yang dipegang atas sebab-sebab tertentu. Lesen asal perlu dikembalikan ke Pejabat CPF negeri yang telah mengeluarkan lesen tersebut.

10.1 PERMOHONAN PEMBATALAN LESEN JENIS B

10.1.1 Permohonan pembatalan Lesen Jenis B boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem My.Pharma-C 2.0..

10.1.2 **Permohonan pembatalan perlu dikemukakan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh lesen hendak dibatalkan** bagi melancarkan proses kelulusan permohonan pembatalan dan pengurusan stok racun.

10.1.3 Pemohon mengemukakan dokumen-dokumen berikut;

- a) Surat pertukaran/peletakan jawatan (daripada pelesen sedia ada).
- b) Surat pengesahan pertukaran/peletakan jawatan/penutupan operasi (daripada majikan).
- c) Surat makluman pertukaran nama atau alamat syarikat/premis (jika berkaitan).

10.1.4 Sekiranya tiada pengganti atau pemegang lesen lain, stok racun perlu diuruskan terlebih dahulu sebelum pembatalan lesen dibuat dengan cara berikut :

- a) Menyediakan inventori racun dan mengunci semua kabinet/stor racun, ATAU
- b) Memulangkan semua stok racun kepada pembekal, ATAU
- c) Menjual semua stok racun hanya kepada satu pemegang lesen sahaja dengan kebenaran CPF/BPF, ATAU
- d) Melupuskan stok racun dengan disaksikan oleh Pegawai Penguat kuasa Dadah daripada CPF negeri.

10.1.5 Sekiranya perlu, Pegawai Penguat kuasa Dadah akan menjalankan pemeriksaan di premis terbabit sebelum lesen dibatalkan.

10.2 CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBATALAN LESEN JENIS B



11.0 PENUTUP

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan permohonan lesen Jenis B boleh diajukan ke Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di ibu pejabat atau ke CPF di peringkat negeri.

12.0 RUJUKAN

1. Akta Racun 1952
2. Peraturan-Peraturan Racun

BUTIRAN RACUN - UNTUK KEGUNAAN INDUSTRI SAHAJA

BIL	NAMA RACUN	BIL	NAMA RACUN	BIL	NAMA RACUN
1.	1-Phenyl-2-propanone	24.	Ethylidene diacetate	47.	Phenothiazine (Part II only)
2.	3,4-Methylenedioxy phenyl-2-propanone (Part II)	25.	Formaldehyde (5% and over as HCHO)	48.	Phenylacetic acid; its salts
3.	Adenosine (Group D only)	26.	Gamma Butyrolactone	49.	Phosphorus white, yellow, red or black
4.	Alpha-Phenylacetoacetonitrile (APAAN)	27.	Hydrochloric acid; hydrogen chloride (9% and over as HCl)	50.	Picric acid
5.	Ammonia (5% and above)	28.	Hydrofluoric acid; hydrogen fluoride	51.	Piperazine
6.	Anthranilic acid; its salts	29.	Hydrogen bromide; hydrobromic acid	52.	Piperidine
7.	Antimony; its chlorides, oxides, sulphides, antimonates, antimonites; organic compounds of antimony (Part II only)	30.	Hydrogen cyanide; metal cyanides other than ferrocyanides and ferricyanides	53.	Piperonal
8.	Arsenic; its organic and inorganic compounds (Group D only)	31.	Hydroquinone (Part II only)	54.	Potassium hydroxide (12% and over)
9.	Azelaic acid (Group D only)	32.	Iodine (Group D only)	55.	Potassium permanganate
10.	Barium; salts of (Group D only)	33.	Isoniazid; its salts (Group D Only)	56.	Safrole; includes safrole-rich oil
11.	Bismuth; its salts (Group D only)	34.	Isosafrole	57.	Sodium Fluoride 3% and over (Group D only)

12.	Boric acid and Sodium borate (Group D only)	35.	Lead acetate; compounds of lead with acids from fixed oils	58.	Sodium hydroxide 12% and over (Part II only)
13.	Brucine	36.	Lead tetraethyl (over 1 in 750)	59.	Sodium Silicofluoride 3% and over (Group D only)
14.	Caffeine	37.	Lysergic acid; its salts	60.	Substances structurally derived from hydantoin
15.	Chloral; its condensation products, its addition products; their molecular compounds (Group D only)	38.	Mercury	61.	Sulphonamides; their salts; their derivatives (Group D only)
16.	Chloroform (Group D only)	39.	Methyl bromide	62.	Sulphuric acid (9% w/w and over)
17.	Creosote, obtained from wood (over 50%)	40.	N-acetylanthranilic acid	63.	Thallium; salts of (Group D only)
18.	Deanol; its salts (Group D only)	41.	Nitric acid (9% w/w and over)	64.	Theophylline; its salts (Group D only)
19.	Dinitrocresols; their salts	42.	Nitrobenzene (0.1% and over)	65.	Thionyl chloride
20.	Dinitronaphthols	43.	Nitrophenols, ortho, meta and para	66.	Thiouracil and other substances structurally derived therefrom (Group D only)
21.	Dinitrophenols	44.	Oxalic acid; metallic oxalates	67.	Zinc p-phenolsulphonate (over 5%)
22.	Dinitrothymols	45.	Phenolphthalein (Part II only)		
23.	Ethyl Ether (Part II only)	46.	Phenols (Part II only)		

BUTIRAN RACUN - UNTUK MAKANAN TERNAKAN SAHAJA

BIL	NAMA RACUN	BIL	NAMA RACUN
1.	Amprolium	16.	Ractopamine (Part II)
2.	Avilamycin	17.	Robenidine
3.	Bambermycin	18.	Salinomycin
4.	Clopidol	19.	Semduramicin
5.	Decoquate	20.	Streptomycin
6.	Diclazuril	21.	Sulfadimethoxine
7.	Doxycycline	22.	Sulfadimidine
8.	Flumequine	23.	Sulfamethazine
9.	Lasalocid	24.	Sulfamethoxazole
10.	L-Tryptophan	25.	Sulfathiazole
11.	Maduramicin	26.	Toltrazuril
12.	Monensin		
13.	Narasin		
14.	Nystatin		
15.	Oxolinic acid		